

Kualiti pemimpin, ahli diutamakan

KUALA LUMPUR: Umno akan mengutamakan kualiti ahli dan pemimpinnya bagi memastikan ia terus dihormati sebagai parti utama negara dan tunjang kerajaan, kata Presiden-nya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, walaupun ahli Umno kini mencapai jumlah dua juta orang, tetapi soal kualiti tetap dititikberatkan di samping memastikan mereka menghayati perjuangan dan falsafah parti.

“Dalam mesyuarat ini, semua bercakap mengenai pentingnya kita tidak mementingkan diri, sebaliknya kita terima kepentingan parti dan negara,” katanya dalam sidang akhbar selepas persidangan hari kedua Perhimpunan

Oleh Ibrahim Yahaya, Manja Ismail, Lichong Angkui, Kamal Ahmad, Mohd Shah Abdullah, Rosmin Darus, M Thilindan, Izman Ismail, Zairee Zahir, Faizal Fadzil, Ebi Azly Abdullah, Nurul Adlina Kamaludin, Salina Abdullah, Shahnun Hanif dan Ahmad Naim Tahir.

Gambar oleh Kamaruddin Ahmad, Hazli Hassan, Zulkepli Othman, Hassan Ismail, Zain Ahmed, Mohd Said Samad dan Rosli Rahmat.

Agung Umno, ditanggihkan petang semalam.

Dr Mahathir ditanya mengenai pandangan beberapa perwakilan yang menyebut pentingnya pimpinan Umno mengutamakan soal kualiti ahli bagi membolehkan parti meng-

hadapi cabaran abad akan datang selain membantu usaha ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020.

“Itu memang satu pendapat yang baik dan bernas (bagi melahirkan ahli Umno yang berkualiti).

Kita hendak kepada kualiti.

“Kita faham mengenai desakan daripada perwakilan (sepanjang perbincangan) itu supaya kita juga mempunyai kualiti iaitu kita mempunyai orang yang faham mengenai politik negara serta tidak tertarik kepada soal wang dan sebagainya,” katanya.

Mengenai beberapa perwakilan yang banyak memuji pimpinan Umno, beliau berkata, itu bukan arahan parti dan “saya sendiri pun tersipu-sipu”.

Dr Mahathir juga berkata, Umno akan terus membantu usaha kerajaan ke arah menangani pelbagai gejala sosial yang melanda masyarakat hari ini seperti bohsia dan penyalahgunaan dadah.

Katanya, gejala itu sebenarnya melanda hanya pada segelintir masyarakat.

Oleh itu, katanya, Umno dan kerajaan tidak bimbang terhadap masalah tiada pemimpin pelapis untuk meneruskan perjuangan parti atau mengambil alih pimpinan kerajaan pada masa hadapan.

“Ia hanya berlaku pada segelintir orang. Masih banyak lagi orang yang terbabit dengan gejala itu yang boleh meneruskan kepemimpinan dan perjuangan parti.

“Begitu pun kita tidak membiarkan perkara ini berterusan. Kita akan mengambil pelbagai langkah untuk membanteras gejala ini,” katanya.